

05 OCT 1998

Mahathir-Langkah

JANGAN BERPUAS HATI, MAHATHIR GESA RAKYAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat Malaysia jangan bersikap berpuas hati memandangkan pada kejayaan langkah-langkah untuk memulihkan semula ekonomi baru-baru ini, sambil menyatakan bahawa hari-hari sukar berada di hadapan dan mereka hendaklah bersedia untuk menghadapi semua kemungkinan.

Berucap pada Syarahan Perdana Menteri Keenam Kelab Harvard di sini malam ini, Perdana Menteri berkata rakyat patutlah meluaskan semangat "Malaysia Boleh" dilahirkan oleh Sukan Komanwel Ke-16 di sini baru-baru ini kepada semua kemampuan mereka di mana-mana jua.

"Dan pastinya dalam pengurusan ekonomi serta politik kita, kita mestilah percaya bahawa Malaysia Boleh, kita mesti dan kita boleh menguruskan ekonomi kita sendiri dalam krisis," katanya.

Dr Mahathir berkata rakyat juga mestilah mengelakkan kecenderungan untuk berpuas hati cuma kerana sesetengah orang telahpun mengakui bahawa Malaysia telah melakukan perkara yang betul, dan bahawa merekalah yang silap.

"Perlulah diakui sungguhpun apa yang dilakukan oleh Malaysia tidak dijamin akan berjaya. Terdapat kelemahan dan kekurangan dan terdapat kemungkinan bahawa kita sendiri akan menjejaska apa uyang kita lakukan," katanya.

Dr Mahathir berkata Barat akan cuba memecah belahkan Malaysia dengan mencari "garisan kesalahan yang boleh dibesarkan dan dicungkil."

"Kita mesti bersedia untuk semua ini, untuk mempertahankan diri sendiri dan startegi kita untuk direkacipta. Kita jangan terlalu kaku dalam pendekatan kita dalam usaha menyelesaikan masalah," katanya.

Malaysia telah memperkenalkan kawalan tukaran wang dan langkah-langkah untuk merangsang ekonomi baru-baru ini dalam usaha untuk menyekat kemerosotan ekonominya, sebahagian besarnya dipersalahkan ke atas spekulator-spekulator matawang dan pasaran saham yang tidak bertanggung jawab.

Perdana menteri berkata pembangunan Malaysia sejak merdeka disebabkan sebahagian besarnya oleh usahanya sendiri sungguhpun adalah benar bahawa pengindustriannya bergantung kepada pelaburan langsung asing serba sedikit.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata Malaysia menanggung ini semua, misalnya, melalui cukai-cukai akan datang dan dengan memperuntukkan sebenarnya sebahagian besar modal yang diperlukan bagi pelaburan-pelaburan itu.

Beliau berkata Malaysia masih mengalau-alukan pelaburan langsung jangka panjang asing dalam keupayaan yang produktif.

Dr Mahathir juga menyelar Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang telah menerima kritikan semakin bertambah daripada pelbagai pihak kerana saranannya, yang disifatkan beliau sebagai sempit dan kurang pertimbangan bagi perbezaan yang besar di dalam ekonomi-ekonomi negara-negara yang berlainan.

"IMF kini telah mengakui bahawa ia telah membuat "sedikit kesilapan" dalam menangani ekonomi Asia.

"Ia mungkin kecil bagi IMF tetapi harga kepada negara-negara Asia adalah amat besar," kata Dr Mahathir, dengan jelas merujuk kepada pengangguran yang besar dan kekacauan sosial di beberapa negara Asia yang menerima bantuan IMF.

Katanya penyalahgunaan pasaran bebas oleh segelintir kapitalis di

negara-negara maju mungkin telah memberi keuntungan cepat kepada mereka berjumlah beribu-ribu juta tetapi kemusnahan yang disebabkan mereka ke atas mangsa-mangsa mereka adalah lebih besar lagi daripada apa yang mereka lakukan kepada diri sendiri.

Katanya malahan jika kemusnahan itu bertujuan untuk mengubah amalan kerajaan-kerajaan Asia yang akan menyebabkan pemulihan ekonomi yang lebih sihat, kemusnahan besar yang dilakukan tidak boleh diwajarkan.

Perdana Menteri berkata cara Asia mengurus niaga adalah berbeza dengan cara Barat tetapi ia tidak bermakna bahawa cara dan nilai Asia pastiya lebih lemah dan salah.

Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan Asia Timur mungkin bukan kerajaan terbaik kerana tidak syak bahawa terdapat amalan rasuah.

"Tetapi bolehkah Amerika dan Eropah mendakwa bahawa mereka bebas sama sekali daripada rasuah kerajaan, atau kapitalisme kroni, kekurangan ketelusan? Di samping itu, tahap rasuah negara-negara Asia Timur telah jelas tidak menghalang pembangunan ekonomi dan sosial mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak seperti negara-negara sedang membangun di rantau lain, negara-negara Asia Timur semuanya berkembang pada kadar yang jauh melebihi di negara-negara maju di Barat dan ini telah memanfaatkan rakyat mereka secara menyeluruh.

-- BERNAMA

MAM MK OS